

Cadang bina perumahan rakyat dekat stesen pengangkutan awam

BERITA HARIAN 06 JUN 2025 m/s: 3

PM mahu konsep kediaman galak masyarakat guna perkhidmatan, ke arah gaya hidup lebih mampan

Petaling Jaya: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mencadangkan supaya projek perumahan rakyat yang baharu dibangunkan di atas atau berhampiran stesen pengangkutan awam sebagai langkah menggalakkan penggunaan perkhidmatan itu cara menyeluruh.

Anwar berkata, konsep pembangunan perumahan sedemikian bukan saja mampu menyediakan kediaman yang lebih strategik kepada golongan berpendapatan rendah tetapi juga membuka jalan kepada gaya hidup bandar yang lebih mampan dan tersusun.

“Ada cadangan untuk membangunkan perumahan di atas stesen (pengangkutan awam) itu sendiri, tetapi memerlukan pindaan (undang-undang) tertentu dan sedang diusahakan.

“Contohnya projek Kota MADANI, yang saya tekankan kemudahan asas yang menyeluruh dan berpusat, demi kebajikan rakyat termasuk pembangunan vertikal,” katanya.

Perdana Menteri berkata demikian pada Forum Ilmuwan Malaysia MADANI (FIM) Siri 6 di sini, kelmarin.

Forum anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi itu membincangkan topik “Pengangkutan untuk Rakyat: Mengimbangi Di antara Kemampuan Rakyat, Kualiti dan Kemampunan Pengangkutan Awam”.



Anwar diiringi Loke mendengar penerangan daripada Mohd Azharuddin mengenai peta transit berintegrasi Lembah Klang ketika hadir pada Forum Ilmuwan Malaysia MADANI Siri 6 di Kuala Lumpur, kelmarin.

(Foto Asyraf Hamza/BH)



Malaysia boleh mengambil konsep seperti pembinaan kereta api di stesen monorel Liziba yang terletak dalam bangunan kediaman di daerah Yuzhong di Chongqing, barat daya China.

(Foto fail NSTP)

Turut serta sebagai ahli panel ialah Menteri Pengangkutan, Anthony Loke; Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Prasarana Malaysia Berhad, Mohd Azharuddin Mat Sah serta

Naib Canselor Universiti Putra Malaysia, Datuk Prof Dr Ahmad Farhan Mohd Sadullah.

Sementara itu Anwar berkata, pendekatan platform wacana seperti forum berkenaan penting

bagi memastikan dasar kerajaan digubal dengan mengambil kira suara pelbagai pihak termasuk ahli akademik, pakar industri, penyokong kerajaan mahupun pembangkang.

Beliau berkata, penganjuran forum seperti itu membuktikan kerajaan tidak menutup ruang kritikan, sebaliknya menggalakkan pandangan berbeza sekiranya disampaikan secara profesional dan membina.

“Saya hargai keterbukaan ahli panel yang membuat teguran halus dan cadangan.

“Saya tidak anggap ini kritikan negatif. Saya ambil maklum perkara (cadangan) itu, saya catat dalam nota dan akan bawa isu ini ke mesyuarat Kabinet esok (semalam),” katanya.

Perlu perubahan dasar

Sementara itu, Loke ketika mengulas seruan Anwar bagi pembangunan baharu berdekatan kemudahan pengangkutan awam berkata, langkah baharu yang sedang dibincangkan kerajaan itu akan membabitkan perubahan konsep dalam pembangunan dan perancangan bandar.

Beliau berkata, pembangunan perumahan dengan akses kemudahan pengangkutan awam memerlukan perubahan besar dari segi dasar dan paradigma dengan objektif untuk menggalakkan mobiliti serta pemilikan rumah rakyat yang strategik.

Loke berkata, jika perumahan dapat dibangunkan berhampiran stesen pengangkutan awam, ketergantungan kepada kenderaan bersendirian boleh dikurangkan.

“Satu perkara yang sedang kita bincangkan dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ialah penyediaan garis panduan untuk projek perumahan seperti apartmen yang terletak berhampiran stesen pengangkutan awam.

“Ini termasuk pengurangan keperluan tempat letak kereta kerana mempunyai akses kepada pengangkutan awam,” katanya.

BERNAMA